

Kes denggi boleh catat angka tertinggi negara

INFO

MAKLUMAT

DENGGI

HARIAN

(7 OGOS 2014)



Penularan sukar dikekang jika gagal laksana langkah kawalan menyeluruh



Oleh M Hifzuddin Ikhsan
hifzuddin@bh.com.my

Kuala Lumpur

Penularan wabak denggi boleh mencecah sehingga 100,000 kes menjelang akhir tahun ini, iaitu tertinggi dalam sejarah negara, sekiranya langkah kawalan menyeluruh gagal dilaksana.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S Subramaniam, berkata setakat ini keseluruhan kes denggi sudah mencapai kira-kira 56,000 menyebabkan banyak hospital di seluruh negara terutama Selangor dan Kelantan, mengalami kesesakan serius.

Katanya, langkah kawalan hanya berkesan sekiranya orang ramai bersatu memastikan kawasan persekitaran bebas nyamuk Aedes, selain langkah pencegahan yang dilakukan pihak berkuasa.

“Kerajaan memberi keutamaan kepada mencegah penularan denggi selepas wabak ini sudah menyebabkan 110 kematian dan keadaan dijangka serius apabila orang ramai kembali ke bandar selepas bercuti panjang.

“Keadaan ini juga menyebabkan kos perubatan dan rawatan pesakit dijangka meningkat pada tahun ini akibat pertambahan bilangan pesakit demam denggi di semua hospital kerajaan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Konvensyen Kesihatan, Sains dan Teknologi Alumni Manipal Global di sini, semalam. Hadir sama Canselor Universiti Manipal, Datuk Dr Ramdas Pai dan Ketua Pegawai Eksekutif Kolej Perubatan Manipal Melaka, Datuk Dr Abdul Razzak Mohd Said.

Dr Subramaniam dalam lawatannya ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang baru-baru ini, memaklumkan pesakit di wad hospital itu terpaksa ditempatkan di lorong masuk selain petugas terpaksa mencantumkan katil berikutan peningkatan kes pesakit denggi dan kes lain.

Denggi ancaman utama

Katanya, walaupun wujud kebimbangan penularan virus penyakit Ebola (EVD) di peringkat global, Malaysia tetap meletakkan denggi sebagai ancaman utama ketika ini.

“Saya tidak terlalu bimbang dengan EVD kerana langkah kawalan penyakit itu masih boleh dibuat di negara berisiko seperti Guinea, Liberia dan Sierra Leone, yang sedang dipantau Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

“Paling penting kita mengawal wabak denggi terlebih dahulu, kita berhadapan jumlah kes paling tinggi pernah dicatatkan di Malaysia, sekiranya kes mencecah 100,000



BH 8/8/14 MSTR

Kerajaan memberi keutamaan kepada mencegah penularan denggi selepas wabak ini sudah menyebabkan 110 kematian dan keadaan dijangka serius apabila orang ramai kembali ke bandar selepas bercuti panjang”

Dr S Subramaniam,
Menteri Kesihatan

penghujung tahun ini,” katanya.

Jemaah haji diminta waspada

Sementara itu, kerajaan menasihatkan semua jemaah haji Malaysia mengambil langkah berjaga-jaga berikutan kematian seorang lelaki di Arab Saudi yang disyaki disebabkan EVD.

Dr Subramaniam berkata, jemaah haji yang bakal berangkat mulai 27 Ogos ini, perlu mengelak bersentuhan dengan individu yang memiliki simptom penyakit itu dan sentiasa menjaga kesihatan mereka.

Negeri	Jumlah kes	Kawasan berisiko denggi
Johor	23	28
Kedah	3	5
Kelantan	177	62
Melaka	11	17
Negeri Sembilan	12	0
Pahang	5	3
Perak	17	17
Perlis	1	1
Pulau Pinang	9	14
Sabah	3	5
Sarawak	12	11
Selangor	207	355
Terengganu	14	0
WP Kuala Lumpur	21	134
WP Labuan	0	0
WP Putrajaya	0	0
Jumlah kes	515	Jumlah lokaliti wabak 652

“Jika perlu, jemaah haji boleh mengambil langkah pencegahan seperti memakai sarung tangan, pakaian bertutup dan topeng, sepanjang berada di tempat terbuka di Arab Saudi.

“Kebanyakan kes EVD yang

berlaku di barat Afrika disebabkan orang ramai tidak mengamalkan penjagaan asas kesihatan yang betul,” katanya selepas menyampaikan sumbangan Aidilfitri di wad pediatrik Hospital Kuala Lumpur (HKL).